

## Perdana Menteri cetus motivasi OKU mahu tawan Everest

Samadi Ahmad  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)



Ismail Sabri (tengah) bersama peserta Misi Everest 2022 (ME 2022) di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTC KL) di sini hari ini. FOTO IHSAN ME 2022

Putrajaya: "Saya bersyukur apabila hasrat bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob akhirnya tercapai. Saya sudah lama menyimpan impian itu," kata orang kurang upaya (OKU) pekak dan bisu yang juga salah seorang peserta Misi Everest 2022 (ME 2022), Muhammad Hawari Hashim, 31.

Dia yang dari Pulau Pinang, menyifatkan peluang bersua muka dengan pemimpin nombor satu negara itu menguatkan lagi semangat dan motivasinya sebelum berlepas ke Kathmandu, Nepal, 15 April ini.

Mengulas mengenai pertemuan itu, Hawari yang juga kakitangan Muzium Pulau Pinang mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana meluangkan masa bertemu pasukan ME 2022.

"Perdana Menteri banyak memberi kata semangat kepada kami semua dan beliau juga berharap saya dan ahli pasukan dapat menakluk puncak tertinggi dunia itu".

"Kata-kata semangat Perdana Menteri itu akan saya jadikan motivasi dan berjanji akan berusaha sedaya upaya mengharumkan nama Malaysia di peringkat dunia bagi membuktikan golongan OKU juga mampu berjaya menawan puncak Everest," katanya selepas bertemu Perdana Menteri pada Majlis Penyampaian Sumbangan Yayasan Keluarga Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTC KL) di sini, tadi.

Sebelum ini HM melaporkan, Hawari meluahkan hasrat bertemu Perdana Menteri, sebelum memulakan Misi ME 2022 pada April ini bagi mendapatkan kata-kata semangat dan motivasi.

Menurutnya, sebelum ini dia tidak mempunyai saluran untuk bertemu Perdana Menteri dan pertemuan itu dapat menuparkan lagi semangat dalam dirinya untuk menyertai misi yang tertangguh sejak 2019 akibat pandemik Covid-19.

Untuk rekod, Muhammad Hawari bakal menjadi OKU pertama negara menawan puncak tertinggi dunia dan bakal direkodkan dalam Malaysia Book of Records (MBR).

Pertemuan itu turut disertai lapan peserta lain terdiri tiga anggota Komando 69 iaitu Mohammad Hanif Che Ahmad, 28, Inspektor Kanang Usin, 42, dan Koperal Pragash Murugesu, 32, dari Kem Ulu Kinta.

Peserta lain adalah Pengarah Angkatan Pertahanan Awam (APM) Kedah, Awang Askandar Ampun Yaacub, 54, jurutera, Ahmad Murshid Maktar, 34, kakitangan swasta, Ayu Wanirah Naharuddin, 29, Pegawai Sukan, Rina Jordana Adnan, 41, dan pakar teknologi maklumat, Oh Jin Heng, 37.